

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)66

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PINANG TUNGGAL
YB BUKHORI BIN GHAZALI**

66. Berdasarkan jawapan Sidang DUN 2024, terdapat 200 premis penjualan vape di Pulau Pinang.
- (a) Mengapakah beza antara premis penjualan vape bagi setiap DUN terlalu tinggi?
 - (b) Apakah justifikasi dalam meluluskan lesen penjualan vape dan langkah yang dibuat bagi mengurangkan premis jualan?
 - (c) Apakah pendirian Kerajaan Negeri dalam isu vape?

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

66. (a) Perbezaan bilangan premis jualan vape bagi setiap DUN yang terlalu ketara adalah disebabkan oleh perniagaan vape yang dijalankan secara persendirian. Pertumbuhan premis jualan vape banyak bergantung kepada tahap permintaan dan demografi terhadap produk vape di sesuatu kawasan, lokasi komersial dan zon perniagaan yang terdapat di kawasan DUN serta sumber pendapatan di setiap DUN adalah berbeza. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak mengawal taburan

premis kedai vape, tidak menetapkan lokasi kedai vape, serta tidak menyediakan penyewaan premis atau gerai milikan PBT bagi tujuan jualan vape.

(b) Sehingga kini, tiada permohonan khusus bagi lesen kedai vape dan tiada lesen khusus bagi perniagaan penjualan vape yang telah diluluskan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP). Manakala justifikasi dalam meluluskan lesen penjualan vape oleh Majlis Bandaraya Seberang Prai (MBSP) adalah seperti berikut:

- (i) Aktiviti penjualan vape merupakan satu bentuk perniagaan yang perlu dilesenkan di bawah Undang-undang Kecil Bayaran Lesen, MPSP 1980;
- (ii) Bagi mengawal aktiviti penjualan vape di kawasan Seberang Perai melalui penganan syarat-syarat pelesenan terutamanya dari aspek kawalan berkaitan penjualan vape kepada individu di bawah umur.

Langkah MBSP untuk mengurangkan premis jualan vape adalah

melalui pembatalan lesen perniagaan MBSP terhadap premis vape yang sekiranya didapati mereka melanggar syarat-syarat pelesenan dan mana-mana peruntukan di bawah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) berdasarkan kerjasama di antara pihak MBSP dengan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN). Di samping itu, pihak MBSP juga akan membekukan pengeluaran lesen dan pembaharuan lesen premis jualan vape sekiranya pihak Kerajaan Negeri memutuskan untuk mengharamkan penjualan vape di seluruh negeri Pulau Pinang.

- (c) Pihak Kerajaan Negeri masih menunggu arahan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berhubung perkara ini. Kajian berhubung perkara ini sedang diperhalusi oleh pihak KKM, terutamanya berkenaan penggunaan bahan-bahan kimia dalam cecair vape yang mengandungi nikotin dan pelbagai bahan kimia yang lain. Jika terdapat penjualan vape atau apa-apa bahan kimia terlarang yang digunakan dalam makanan, minuman, produk yang dihisap, disedut, rokok, ubat-ubatan dan sebagainya, maka perkara tersebut juga adalah di bawah pemantauan pihak KKM. Pihak KKM juga dalam proses pengumpulan data penjualan vape melalui

pendaftaran di bawah **Akta 852** yang telah dijadual untuk dikuatkuasakan pada **1 Oktober 2025**.

Pada masa yang sama, **Kerajaan Negeri Pulau Pinang** melalui **Bahagian Kerajaan Tempatan** akan menjalankan semakan dan kajian perbandingan dengan beberapa negeri serta PBT lain, bagi mendapatkan maklumat berkenaan amalan pengeluaran **lesen khusus bagi perniagaan vape, jumlah kompaun** yang dikenakan terhadap kesalahan berkaitan **risiko serta cabaran penguatkuasaan** yang dihadapi oleh PBT dalam pengurusan perniagaan vape.

Hasil semakan ini akan **dibentangkan untuk perbincangan di peringkat Kerajaan Negeri**, sebagai asas pertimbangan dalam merangka pendekatan yang lebih menyeluruh, bersepadu dan selaras dengan dasar kesihatan awam serta kepentingan masyarakat.

Secara kesimpulan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersetuju untuk mengawal selia penjualan produk rokok elektronik atau vape melalui undang-undang yang sedia ada, khususnya Akta 852 yang

menetapkan pendaftaran produk merokok elektronik atau vape secara mandatori. Meskipun cadangan larangan penjualan rokok elektronik atau vape ini dilihat sebagai penyelesaian yang baik, namun banyak faktor termasuk persempadanan Negeri Pulau Pinang bersama Negeri Kedah dan Negeri Perak yang masih belum melaksanakan larangan penjualan vape ini akan menyukarkan penguatkuasaan cadangan tersebut. Cadangan larangan tersebut mungkin meningkatkan juga penjualan rokok vape secara haram melalui pasaran gelap (black market) yang akan mendatangkan impak negatif yang lebih memudaratkan.